



Implementation of National Identity Through History: Building Human Sustainability in the Young Generation

Penerapan Identiti Nasional Melalui Sejarah: Membina Kelestarian Insan dalam Kalangan Generasi Muda

Siti Nor Azhani Mohd Tohar^{1*}, Fauziah Ani², Asbah Razali³

¹Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

²Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Johor, 86400, MALAYSIA

³Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, 50603, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jst.2018.11.01.007>

Received 00 Month 2000; Accepted 01 Month 2000; Available online 30th June 2019

Abstract: These days, the void in appreciating the national history is becoming more apparent especially among the younger generation. This issue should be taken seriously as history is an important mechanism for the implementation of national identity of the multi-ethnic community in Malaysia. Thus, this paper discusses the relationship between history and national identity, the disparity of the younger generation in appreciating history and the measurement mechanisms for the appreciation of the history of the country. This discussion is based on content analysis of relevant literature materials. The results of this discussion need to be highlighted as history is often disregarded by most communities in the face of modernity. The significance of history should be emphasized as a thrust to the adoption of national identity in the community and to build human sustainability for the survival of future civilizations in Malaysia.

Keywords: history, national identity, young generation, human sustainability, measurement of history appreciation

Abstrak : Dewasa ini kelompangan dalam menghayati sejarah tanah air mulai ketara terutamanya dalam kalangan generasi muda. Hal ini perlu dipandang serius memandangkan sejarah adalah mekanisme penting bagi penerapan identiti nasional masyarakat multi etnik di Malaysia. Justeru, makalah ini akan membincangkan perkaitan antara sejarah dan identiti nasional, kelompangan generasi muda dalam menghayati sejarah serta mekanisme pengukuran bagi tahap penghayatan sejarah tanah air. Perbincangan ini adalah bersandarkan kepada analisis kandungan daripada bahan-bahan literatur yang berkaitan. Hasil perbincangan ini perlu diketengahkan kerana sejarah sering dipandang sepi oleh kebanyakan masyarakat dalam berdepan dengan arus kemodenan. Kepentingan sejarah perlu dimartabatkan sebagai tujahan kepada penerapan identiti nasional dalam diri masyarakat seterusnya membina kelestarian insan demi kelangsungan tamadun Malaysia di masa akan datang.

Kata Kunci: Sejarah; identiti nasional; generasi muda; pengukuran penghayatan sejarah; kelestarian insan

1. PENGENALAN

Kepentingan sejarah kepada rakyat multi-etnik Malaysia adalah mekanisme paling asas dalam penerapan identiti nasional terutamanya kepada generasi muda yang telah terlalu jauh daripada peristiwa sejarah. Ibnu Khaldun (DBP, 2009; Rosenthal, 1967) menekankan bahawa generasi muda mudah luntur semangat kekitaan kerana mereka tidak mengetahui bagaimana sejarah kedaulatan bangsa bermula dan bagaimana ia terjadi.

Oleh yang demikian, sejarah memainkan peranan penting dalam penerapan identiti nasional masyarakat terutamanya generasi muda yang telah terlalu dengan peristiwa sejarah tanah air. Justeru, kupasan mengenai perkaitan sejarah dalam penerapan identiti nasional perlu difahami. Malahan, masyarakat juga harus sedar kelompangan penghayatan sejarah yang dialami oleh generasi muda masa kini agar identiti nasional mereka terus dapat dipupuk. Oleh itu, mekanisme pengukuran penghayatan sejarah perlu diketengahkan agar pelbagai pihak dapat merancang strategi-strategi penerapan identiti nasional melalui penghayatan sejarah agar dapat menjamin kelestarian insan dalam memperkukuh kelangsungan tamadun Malaysia.

2. SEJARAH DAN IDENTITI NASIONAL

Identiti nasional adalah ditentukan oleh batasan waktu yang sering dikaitkan dengan situasi sejarah (Condor, 2006; Nuan & Xin, 2012; Reicher & Hopkins, 2001; Sani et al., 2007; Shin et al., 2014) dan usaha-usaha pemupukan patriotisme ini sering dikaitkan dengan usaha-usaha memperingati sejarah tanah air (Nuan & Xin, 2012). Malahan, sejarah dapat memberikan elemen utama dalam identiti dan menjadikan identiti kolektif lebih menonjol (Jetten & Hutchison, 2011; Semonin, 2000). Selain itu, sejarah juga dapat diserap ke masa kini bagi membina masa depan yang lebih baik (Sani et al., 2007) dan dapat menyumbang kepada penyesuaian kolektif untuk menangani cabaran dalam masyarakat dan melengkapkan ahlinya dengan keterbukaan minda untuk menerima globalisasi (Shin et al., 2014).

Justeru, identiti nasional tidak terlepas perkaitannya dalam konteks sejarah kerana rakyat turut cenderung untuk memartabatkan budaya atau warisan sejarah masyarakat mereka (Karasawa, 2002). Ini kerana nasionalisme budaya atau dikenali sebagai nasionalisme jati diri mengutamakan kesatuan serta kualiti kehidupan rakyat yang diasaskan sepenuhnya oleh warisan budaya dan bahasa negara (Teo Kok Seong, 2011). Malahan, bukan hanya tokoh dan peristiwa sejarah sahaja yang menjadi ikon simbolik negara, bahkan Semonin (2000) telah mengaitkan bahawa haiwan pra-sejarah turut dapat menjadi ikon simbolik negara dalam menerangkan bentuk kehidupan rakyatnya. Zainal Kling (2012) pula turut membincangkan bahawa jati diri berlandaskan sejarah dapat berubah sebagaimana sejarah boleh berubah kerana fakta sejarah adalah sentiasa terbuka kepada tafsiran dan penambahan baharu.

Oleh yang demikian, diakui bahawa peranan sejarah adalah amat penting dalam penerapan identiti nasional sesebuah bangsa sekiranya sejarah itu dihayati dengan lebih mendalam. Malahan, kajian empirikal juga telah membuktikan bahawa telah ramai sarjana yang menjalankan kajian dalam mengaitkan sejarah dengan, i) pemupukan identiti (Huang & Liu, 2004), ii) identiti nasional (Condor, 2006; Shin et al., 2014; Karasawa, 2002; Semonin, 2000; Jetten & Hutchison, 2011; Sani et al., 2007), iii) patriotisme (Nuan & Xin, 2012), dan iv) nasionalisme (Karasawa, 2002).

Oleh yang demikian, kepentingan sejarah dalam pembinaan identiti nasional banyak dibincangkan sama ada sarjana tempatan mahupun sarjana luar. Sejarah dapat membentuk kerangka identiti nasional melalui semangat patriotisme dan nasionalisme agar seiring dengan peredaran masa. Kekuatan penghayatan sejarah dapat menjadikan melestarian hidup bermasyarakat agar sesebuah tamadun tetap teguh dengan identiti nasional tersendiri walaupun dijamu dengan pelbagai kecanggihan dan kepesatan kemajuan global tanpa sempadan.

3. KELOMPANGAN PENGHAYATAN SEJARAH DALAM GENERASI MUDA

Namun harus disedari bahawa secara realitinya, masih terdapat kelompangan dalam pengisian penghayatan sejarah ke dalam diri generasi muda. Ini telah dibuktikan secara empirikal di dalam kajian Sharifah Nor Puteh et al. (2010) ke atas 80 orang murid tingkatan empat di dua buah sekolah di Miri, Sarawak bahawa persepsi pelajar terhadap pembelajaran kemahiran berfikir sejarah adalah sederhana. Kajian Anuar Ahmad et al. (2009) ke atas 436 orang murid tingkatan lima di 17 buah sekolah berprestasi rendah SPM Sejarah di Zon Utara Semenanjung Malaysia (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang) turut menunjukkan persepsi murid kepada keseluruhan aspek pengajaran guru sejarah mereka adalah sederhana positif. Malahan, kajian luar negara juga turut menunjukkan bahawa pelajar dilihat hanya mampu membuat penilaian yang mudah terhadap realisme dan subjektivisme sejarah (Cassedy et al. 2011).

Secara demografi pula, Kajian Sharifah Nor Puteh et al. (2010) menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap empat kemahiran berfikir sejarah (kronologi, pencarian bukti, interpretasi dan imaginasi). Walau bagaimanapun, kemahiran melalui kemahiran rasionalisasi menunjukkan bahawa persepsi murid lelaki lebih positif berbanding murid perempuan. Dapatan turut menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara murid sains dan murid sastera dalam empat kemahiran berfikir sejarah (kronologi, interpretasi, imaginasi dan rasionalisasi) namun bagi kemahiran pencarian bukti, pelajar sains mempunyai persepsi yang lebih positif berbanding pelajar sastera.

Dapatan-dapatan ini membuktikan bahawa penghayatan terhadap sejarah masih lemah dalam kalangan generasi muda Malaysia. Walaupun mata pelajaran Sejarah telah diwajibkan di peringkat sekolah namun, impaknya masih belum berlaku kerana masih wujud kelemahan-kelemahan dalam sistem pendidikan yang memerlukan satu usaha yang

dinamik yang dapat menyedarkan pelajar bahawa peranan sejarah bukan sekadar untuk lulus peperiksaan sebaliknya sebagai mekanisme memperkukuhkan jati diri sebagai warga Malaysia yang berpegang kepada prinsip perlembagaan dan kebudayaan kebangsaan.

Walau bagaimanapun, di peringkat pengajian tinggi, kajian Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Adlina Ab. Halim, Zarina Muhammad, Sri Rahayu Ismail (2010) di kesemua 20 IPTA seluruh negara yang melibatkan 1978 orang mahasiswa menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap TITAS (Tamadun Islam dan Tamadun Asia) dari aspek objektif, manfaat dan kepentingan, minat adalah positif. Majoriti pelajar juga bersetuju bahawa kursus ini memberi kesan kepada pemikiran dan pengetahuan serta pembentukan sikap mereka. Kajian Sharliana Che Ani et al. (2012) di IPTS sekitar Selangor pula turut menunjukkan pelajar-pelajar positif terhadap kursus-kursus wajib universiti (Pengajian Malaysia, Pendidikan Moral, Pengajian Islam dan Bahasa Kebangsaan).

Sungguhpun begitu, kajian yang dijalankan di IPT ini hanya melibatkan persepsi mahasiswa terhadap kursus-kursus yang diwajibkan di IPT. Kajian untuk melihat minat dan kesungguhan mereka untuk berfikir aras tinggi tentang sejarah masih belum dijalankan dalam sektor pengajian tinggi ini. Maka, sebenarnya menjadi satu keperluan untuk menerapkan minat dan kesungguhan terutamanya dalam menjana pemikiran kritis dan kreatif dalam memperkatakan tentang sejarah tanah air memandangkan generasi muda IPT ini adalah generasi yang bakal mencorakkan landskap pentadbiran negara berasaskan identiti nasional yang dapat diterap melalui penghayatan sejarah tanah air.

Oleh yang demikian, generasi muda Malaysia perlu diberi penekanan tentang kenegaraan khususnya ilmu sejarah, ilmu kesusasteraan, hubungan kaum, mengenali sosio-budaya, latar belakang kaum dan suku kaum, adat resam, raja dan kerajaan, hak-hak negara berbanding dengan hak-hak kaum dan sebagainya, dari usia muda lagi (A. Aziz Deraman, 2012). Mereka memerlukan bahasa dan dididik supaya menjadi manusia bertanggungjawab, bersopan santun dan setia kepada negara; ringkasnya dididik menjadi manusia sempurna (Khoo Kay Kim, 1984). Malangnya sejarah yang diajarkan kepada anak-anak sekolah adalah terlalu cetek dan ringkas sehingga soal yang mendasari pelbagai tuntutan Melayu dalam perundangan perlembagaan negara dan dalam pelbagai dasar awam yang sedang dilaksanakan kini tidak difahami sebaiknya. Kefahaman terhadap sejarah yang panjang serta fungsi sejarah sebagai fakta pengiktirafan akan status Melayu sebagai bumiputera di rantau ini sering dipertikaikan dan tidak difahami oleh pelbagai bangsa serta generasi muda Melayu sendiri (Zainal Kling, 2012). Murid-murid Malaysia hanya mempelajari sejarah semata-mata untuk lulus peperiksaan, diajar dengan cara yang tidak berkesan, pemahaman yang mendalam tidak diserap dan mata pelajaran Sejarah dikatakan tidak berguna, maka, seseorang itu tidak berupaya melihat masyarakat dan dunia dengan pandangan yang lebih bulat kerana tidak memahami alam sekeliling tanpa pengetahuan sejarah (Khoo Kay Kim, 1984).

Justeru, penghayatan sejarah perlu diterapkan dengan mendalam agar peranan dan fungsi sejarah menjadi keutamaan dan penting dalam menjelaskan gagasan kenegaraan dan pemerintahan sebagai landasan legitimasi suatu tuntutan dalam negara dan bangsa masa kini (Zainal Kling, 2012), terutamanya dalam membentuk kesatuan dalam kepelbagaian etnik yang ada. Mana-mana negara dalam dunia ini termasuk Amerika, Rusia, England, China, India, Indonesia, Filipina, Thailand, Australia dan sebagainya tidak mengabaikan sejarah terutamanya sejarah kebangsaan (Khoo Kay Kim, 1984). Malahan, pengabaian terhadap sejarah bererti penyisihan aspek patriotisme dan kenegaraan yang memungkinkan kita berdagang di negeri sendiri (Mohamad Johdi Salleh & Ariegusrini Agus, 2009).

Maka, kepentingan penghayatan sejarah amat berkait rapat dengan penerapan identiti nasional dalam generasi muda agar kelestarian generasi ini lebih terarah menuju gagasan kebangsaan. Sehubungan itu, penerapan beberapa elemen utama bagi memperkukuh penghayatan sejarah dalam kalangan generasi muda multi-etnik adalah perlu.

4. PENGUKURAN PENGHAYATAN SEJARAH

Pengukuran kepada penghayatan sejarah perlu dilaksanakan bagi menangkis ketirisan identiti nasional akibat daripada kelompangan penghayatan sejarah dalam kalangan generasi muda. Justeru, pengkaji melihat terdapat tiga mekanisme penting untuk mengukur penghayatan sejarah dalam kalangan generasi muda masa kini, iaitu pemupukan minat, penghayatan emosi dan empati serta daya usaha untuk berfikir secara kritis dan kreatif mengenai sejarah tanah air.

4.1 Minat

Penerapan minat untuk menghayati sejarah adalah elemen asas yang perlu ada dalam setiap generasi muda. Minat ini perlu dipupuk terlebih dahulu bagi memperteguhkan lagi persepsi anak muda terhadap sejarah. Malahan faktor minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara akan menambahkan lagi keyakinan diri seseorang untuk berjaya (Anuar Ahmad & Nelson Jingga, 2015), faktor yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang individu dalam bidang yang diceburi (Muhamad Abdillah & Haleefa, 2011) serta merupakan faktor penting dalam pencapaian murid di sekolah (Nor Erma & Leong, 2014).

Oleh yang demikian, penerapan minat terhadap sejarah boleh berlaku melalui pembacaan literatur-literatur serta melawati tempat-tempat bersejarah termasuk muzium (Cassedy et al. 2011; Bamberger & Tal, 2009; Mohamad Johdi Salleh & Ariegusrini Agus, 2009; Mohamad Johdi Salleh et al. 2012), sambutan perayaan sejarah dan media (video, filem, akhbar, permainan komputer) (Cassedy et al. 2011) yang dapat melibatkan pengalaman secara langsung kepada individu mengenai sejarah. Ini kerana sesuatu persepsi dapat berlaku apabila individu merasai sesuatu pengalaman (Gillett, 1988). Justeru, melalui pembacaan literatur, lawatan tempat bersejarah dan menghadiri perayaan sejarah dapat

memberi pengalaman kepada individu untuk merasai sesuatu peristiwa sejarah. Malahan pengaplikasian media turut merupakan medium terkini bagi menimbulkan minat generasi muda yang pada masa kini lebih memberi fokus kepada kemajuan teknologi.

Oleh yang demikian, pelbagai pihak khususnya para guru-guru dan pensyarah perlu bertindak kreatif dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah dan universiti-universiti bagi menarik minat pelajar untuk menghayati sejarah tanah air. Mekanisme pengajaran sekadar hanya di dalam kelas sudah kurang relevan dalam menimbulkan minat para pelajar terhadap sejarah kerana untuk menghayati sejarah, mereka perlu merasai pengalaman tersebut. Selain mekanisme lawatan ke muzium-muzium, para tenaga pelajar perlu kreatif menggunakan teknologi masa kini seperti permainan video, kuiz atas talian, pembikinan filem-filem pendek yang melibatkan penyertaan pelajar agar mereka lebih tertarik untuk mempelajari seterusnya menghayati sejarah tanah air.

4.2 Emosi dan Empati

Pengukuran terhadap emosi dan empati dapat menjadi mekanisme dalam memupuk penghayatan sejarah. Generasi muda perlu memiliki emosi dan empati terhadap sejarah kerana emosi dan empati mencerminkan penghayatan seseorang individu terhadap sejarah tanah air (Mohamad Johdi Salleh et al. 2012; Sharifah Nor Puteh et al. 2010; Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan, 2008; Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail, 2007). Empati sejarah boleh didefinisikan sebagai kesungguhan seseorang untuk meningkatkan pemikirannya supaya secocok dengan individu atau kumpulan masyarakat masa lampau agar ia dapat menghayati dan memahami tindakan serta pemikiran individu atau peristiwa yang dikaji daripada pelbagai sudut pandangan (Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan, 2007).

Empati sejarah adalah penting menjadi pengukuran kepada penghayatan sejarah memandangkan warga Malaysia terutamanya bangsa bukan Melayu didapati kurang empati dengan sejarah dan latar belakang sejarah negara ini (Chandra Muzaffar, 1996). Malahan kajian-kajian terkini telah mengaplikasikan konsep empati sejarah sebagai mekanisme membantu pelajar untuk berfikir aras tinggi tentang sejarah (Sharifah Nor Puteh et al., 2010). Malahan, kerajaan turut mengambil inisiatif untuk menekankan kepentingan empati sejarah di dalam kerangka objektif Modul Latihan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001).

Justeru, emosi dan empati sejarah adalah pengukuran penting bagi melihat penghayatan seseorang individu terhadap sejarah kerana ia dapat memberi kerangka pemikiran ke aras yang lebih tinggi apabila seseorang individu itu dapat memahami dan menghayati apa yang telah berlaku dalam sesuatu lipatan sejarah.

4.3 Pemikiran Kritis dan Kreatif

Daya usaha untuk berfikir secara kritis dan kreatif juga dapat dijadikan mekanisme pengukuran penghayatan sejarah seseorang individu. Pemikiran kritis dan kreatif dapat menyediakan pemahaman yang lebih luas tentang sejarah, meningkatkan penghayatan dalam persepsi dan budaya serta meningkatkan pemahaman tentang orang lain (Wineburg, 2004; Yeager and Foster, 2001). Justeru, daya usaha untuk berfikir mengenai sejarah tanah air dapat merujuk kepada penghayatan yang tinggi kerana individu terdorong menjana pemikirannya untuk memahami sejarah secara lebih luas dan kritis.

Pemikiran kritis dan kreatif ini dapat diukur dengan melihat sejauhmana seseorang individu mampu untuk merungkai peristiwa sejarah bukan hanya dari sudut persoalan apa dan bila tetapi bagaimana individu itu dapat menerangkan tentang mengapa dan bagaimana serta kesan sesuatu peristiwa sejarah itu terhadap keharmonian sesebuah masyarakat seterusnya kepada kelangsungan sesebuah tamadun.

Kerajaan juga telah memperlihatkan kepentingan pemikiran kritis dan kreatif dengan menggariskan beberapa aspirasi di dalam kerangka objektif Modul Latihan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah antaranya, pembentukan pemikiran kreatif dan kritis, empati sejarah dan penerokaan idea yang kompleks dan abstrak (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001).

Justeru, daya usaha untuk berfikir secara kritis dan kreatif merupakan tujuhan kepada kemahiran berfikir aras tinggi yang dapat dijadikan pengukuran terhadap sejauh mana seseorang individu itu mempunyai daya usaha untuk menghayati sejarah tanah air.

5. KESIMPULAN

Dampaknya, wujud keperluan untuk menerapkan identiti nasional melalui penghayatan sejarah dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam kalangan generasi muda memandangkan wujud kelompangan-kelompangan generasi ini untuk menghayati sejarah tanah air. Justeru, kerajaan telah bertindak mewajibkan mata pelajaran Sejarah di semua jenis institusi pendidikan peringkat rendah dan menengah bagi menerapkan penghayatan sejarah melalui aspirasi Modul Latihan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah kepada semua murid multietnik agar identiti nasional dapat diterapkan sedari peringkat kanak-kanak dan remaja lagi. Selain itu kerajaan juga telah mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus di dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tahun 2013 dan menjadi mata pelajaran teras di sekolah rendah bermula tahun 2014 (Utusan *Online*, 24 Oktober 2010) bagi menyatakan kepentingan sejarah seawal di peringkat sekolah agar ia dapat dihayati oleh semua generasi muda daripada pelbagai golongan etnik.

Ini selari dengan matlamat di dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bagi pendidikan sejarah, iaitu bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri setiap warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui penghayatan sejarah tanah air dan sejarah negara luar yang berkaitan, pelajar dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Usaha ini turut bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia. Pendidikan sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000). Mekanisme pendidikan secara formal dapat dijadikan medium penerapan identiti nasional melalui pembelajaran dan pengajaran yang berkaitan dengan sejarah tanah air dan ketamadunan seperti subjek Kajian Tempatan, Sejarah, Sivik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Hubungan Etnik dan Kenegaraan Malaysia; sama ada di peringkat sekolah mahupun Institusi Pendidikan Tinggi (Ku Hasnita Ku Samsu, 2008).

Justeru, sekiranya penerapan sejarah melalui penghayatan sejarah digarap sebagai suatu keperluan penting oleh seluruh pihak sama ada institusi kerajaan mahupun kekeluargaan, tidak mustahil, kelestarian insan dalam menangani isu-isu semasa dan konflik-konflik yang sering timbul terutamanya pertikaian terhadap institusi Beraja, agama, kesamarataan hak dan bahasa dapat dikekang. Ini kerana sejarah boleh menjadi asas kepada kesatuan dan perpaduan negara (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 2001).

Oleh yang demikian, pengukuran terhadap penghayatan sejarah melalui tiga mekanisme, iaitu, pemupukan minat, emosi dan empati sejarah serta daya usaha berfikir merupakan antara asas yang perlu diterapkan ke dalam diri generasi muda agar kelestarian insan dalam memastikan kelangsungan tamadun Malaysia terus terpelihara.

Rujukan

A. Aziz Deraman (2012). Warisan Budaya dalam Konteks 1 Malaysia. Dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Ed.), *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia* (ms. 109-132). Tanjung Malim: UPSI.

Anuar Ahmad, & Nelson Jingga. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1–11.

Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman, & Nur Atiqah T. Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 53–66.

Bamberger, Y. & Tal, T. (2009). The Learning Environment of Natural History Museums: Multiple Ways to Capture Students' Views. *Learning Environ Res. Journal*. 12: 115-129.

Cassedy, L., Flaherty, C., & Fordham, M. (2011). Seeing the Historical World: Exploring How Students Perceive the Relationship between Historical Interpretations. *Teaching History*, 142(March), 14–21.

Chandra Muzaffar. 1996. Cabaran Membina Bangsa Malaysia. Dlm. Abdul Razaq Haji Omar. (pnyt.) Pembentukan Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Yayasan Nurul Yaqeen.

Condor, S. (2006). Temporality and Collectivity: Diversity, History and the Rhetorical Construction of National Entitativity. *British Journal of Social Psychology*, 45, 657–682. <https://doi.org/10.1348/014466605X82341>

Gillett, G. (1988). Learning to Perceive. *Philosophy and Phenomenological Research*, 48(4), 601–618.

Huang, L.-L., & Liu, J. H. (2004). "The Double Identity" of Taiwanese Chinese: A Dilemma of Politics and Culture Rooted in History. *Asian Journal of Social Psychology*, 7, 149–168.

Ibnu Khaldun (1967), *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terjemahan oleh Franz Rosenthal. Princeton, NJ: Princeton University Press.

Ibnu Khaldun (2009). *Mukadimah*. Terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jetten, J., & Hutchison, P. (2011). When Groups Have a Lot to Lose: Historical Continuity Enhances Resistance to a Merger. *European Journal of Social Psychology*, 41, 335–343.

Karasawa, M. (2002). Patriotism, Nationalism, and Internationalism Among Japanese Citizens: An Etic-Emic Approach. *Political Psychology*, 23(4), 645–666.

- Kementerian Pelajaran Malaysia (2000). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Sukatan Pelajaran Sejarah*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). *Modul Latihan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Khoo Kay Kim (1984). *Masalah Sosial dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Ku Hasnita Ku Samsu (2008). Persepsi Mahasiswa Bukan Melayu Terhadap Penggunaan Mekanisme Pendidikan dalam Mempertingkatkan Semangat Patriotisme. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains, Teknologi dan Sains Sosial (STSS)* (ms. 813-820). Kuantan: UiTM Pahang.
- Mohamad Johdi Salleh, & Ariegusrini Agus. (2009). Kaedah Lawatan Ke Tempat Sejarah: Kepentingan dan Strategi. In Abdul Razaq Ahmad & Isjoni (Eds.), *Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah* (pp. 1–8). Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia.
- Mohamad Johdi Salleh, Baharom Mohamad, & Abdul Said Ambotang. (2012). Investigating Pupils' Perceptions of Fieldwork Approaches to History Within the Malaysian Integrated Curriculum for Secondary Schools. *MANU*, 18, 151–171.
- Muhamad Abdillah Royol, & Haleefa Mahmood. (2011). Faktor-faktor kelemahan yang mempengaruhi pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2, 145-174.
- Nor Erma Binti Abu, & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu:Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Nuan, W., & Xin, G. (2012). How to Strengthen the Patriotism Education of College Students During the New Period. *Cross-Cultural Communication*, 8(5), 123–126. <https://doi.org/10.3968/j.ccc.1923670020120805.2541>
- Reicher, S., & Hopkins, N. (2001). *Self and Nation*. London: Sage Publications.
- Sani, F., Bowe, M., Herrera, M., Manna, C., Cossa, T., Miao, X., & Zhou, Y. (2007). Perceived collective continuity : Seeing groups as entities that move through time. *European Journal of Social Psychology*, 37, 1118–1134. <https://doi.org/10.1002/ejsp>
- Semonin, P. (2000). *American Monster: How the Nation's First Prehistoric Creature Became a Symbol of National Identity*. New York: New York University Press.
- Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof, & Elisabeth Tak. (2010). Students ' Perception of the Teaching of Historical Thinking Skills. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 18(S), 87–95.
- Sharliana Che Ani, Sofia Elias, Rusniyati Mahiyadin, Eliza Irdawaty Awang @ Nawi & Siti Noor Amyah Khasbullah (2012). Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Kursus Wajib Universiti di IPTS. *Prosiding Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI 2012)*, (ms. 387-414). Kuala Lumpur: UPNM.
- Shin, S.-H., Kashima, Y., Laham, S. M., Kim, U., Park, Y.-S., Koo, J., & Park, J. (2014). The temporal dimension of national identification : An empirical investigation in South Korea and Australia. *Asian Journal of Social Psychology*, 17, 25–35. <https://doi.org/10.1111/ajsp.12043>
- Siti Hawa Abdullah, & Aini Hassan. (2008). Empati Sejarah Murid Tingkatan Dua. *Jurnal Pendidikan*, 28(1), 131–146.
- Teo Kok Seong (2011). Pencerobohan Bahasa Gugat Jati Diri Nasional. *Berita Harian*, 16 Mac 2011.
- Utusan *Online* (24 Oktober 2010). Subjek Sejarah Wajib Lulus SPM. Diakses di http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=1024&pg=mh_02.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&y=2010.

Wan Mohd. Nor Wan Daud (2001). *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Wineburg, S. (2004). Crazy for history. *Journal of American History*, 90 (4): 1401-1414.

Yeager, E. A. and Foster, S. J. (2001). Why People in the Past Acted the Way They Did: An Exploratory Subject in Historical Empathy. *Journal of Social Education*, 13 (Summer/Spring 2001): 8-24.

Zahara Aziz, & Nik Azleena Nik Ismail. (2007). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada Para Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 32: 119–137.

Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Adlina Ab. Halim, Zarina Muhammad, Sri Rahayu Ismail (2010). *Laporan Penyelidikan Pelaksanaan dan Keberkesanan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di IPTA Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.

Zainal Kling (2012). Jati Diri Melayu dan Peradaban Dunia. Dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Ed). *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia* (ms. 35-59). Tanjong Malim: UPSI.